


CATATAN



Kita patut bersyukur dengan kepemimpinan yang ada sekarang

Oleh **IBRAHIM MUHAMAD**

SELEPAS mendengar ceritera ringkas Perdana Menteri, di majlis makan malam anjuran Umno Perhubungan Negeri Terengganu, di kediaman Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, sempena lawatan Datuk Seri Dr Mahathir ke Terengganu, pada 4 Oktober lalu, memberi kesedaran kepada kita supaya bersyukur dan berterima kasih kepada kepemimpinan yang ada sekarang.

Ucapannya biasa sahaja, Datuk Seri Dr Mahathir menceritakan kisah beliau buat pertama kali datang ke Terengganu pada tahun 1958.

Awal-awal ucapan, beliau berkata itu bukan kisah baru, cerita lama yang sudah banyak kali disebut, tetapi ingin diceritakan sekali lagi supaya orang yang tidak pernah mendengarnya dapat menghayati kisah yang sudah 30 tahun berlalu.

Permintaan

Kira-kira 30 tahun lalu ketika Dr Mahathir masih belum menjadi orang politik, beliau bercadang ke Terengganu. Pada masa itu beliau terpaksa datang ke Kuala Lumpur dan kemudian ke Kota Bharu terlebih dahulu.

Dari Kota Bharu ke Kuala Terengganu beliau bercadang meminjam kereta seorang sahabat baiknya yang juga doktor pada waktu itu bekerja di Bandar Kota Bharu.

Sayangnya permintaan Dr Mahathir ditolak atas pelbagai alasan. Beliau amat terasa hati terhadap sikap yang ditunjukkan oleh sahabat baiknya kerana enggan

meminjamkan keretanya.

Sedangkan sebelum itu, Dr Mahathir tidak keberatan memberi pinjam kereta kepunyaannya ketika sahabatnya pergi ke Kedah. Dengan perasan terkilau dan teras hati beliau terpaksa menyewa sebuah kereta untuk ke Kuala Terengganu.

Dalam perjalanan ke Terengganu barulah Perdana Menteri sedar keengganan sahabatnya memberi pinjam kereta kerana pada masa itu keadaan jalan untuk ke Terengganu amat menyedihkan.

Batu-batu ditengah jalan sebesar buah kelapa dan ada yang lebih besar (sambil menunjukkan ukuran sewaktu bercerita) dan keadaan jalan juga tidak ada tar, bukan seperti sekarang.

Jalan Kota Bharu ke Kuala Terengganu juga pada masa itu terkenal sebagai jalan seribu jambatan kerana terlalu banyak jambatan sepanjang jalan itu sama ada yang kecil atau besar.

Sudah tentu bila sungai yang besar terpaksa menunggu untuk naik feri. Untuk tiba ke Kuala Terengganu mengambil masa sehari suntuk.

Tetapi hari ini Terengganu secara keseluruhannya sudah berubah dan tidak ada langsung ciri-ciri kesengsaraan dan kemiskinan sebagaimana 30 tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri, keadaan jalan dan pembangunan lain di Terengganu lebih baik daripada Kedah, negeri beliau sendiri. Untuk ke Kota Bharu hanya ambil

masa tiga jam begitu juga ke tempat lain, seribu jambatan sudah tidak wujud lagi.

Sayangnya hasil daripada pembangunan dan kurniaan Tuhan yang begitu banyak dalam waktu yang singkat, masih ramai orang yang tidak bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah.

Setelah saya berfikir sebelum menikmati jamuan makan malam, kebenaran ucapan yang didedahkan oleh Perdana Menteri memang wujud. Di Terengganu orang-orang politik, semua benda hendak dipolitikkan untuk kepentingan diri.

Tidak ada pembangunan menjadi isu politik, diberi pembangunan juga menjadi isu politik dan bermacam-macam lagi sehingga menjadi kelam kabut pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tahun lalu projek pembinaan jambatan dijadikan isu kononnya tidak memberi apa-apa makna, tetapi pakar ekonomi berpendapat pembinaan jambatan itu boleh membangunkan kawasan perindustrian Gong Badak dan mendekatkan hubungan penduduk di Kuala Terengganu utara ke pusat bandar.

Hari ini orang politik lebih bijak daripada pakar tertentu, bercakap dalam ekonomi orang politik lagi bijak, bercakap pasal undang-undang orang politik lagi bijak, bercakap apa sahaja orang politik pasti lebih bijak.

Sepatah kata penutup Perdana Menteri malam itu, "Bersyukur akan nikmat Allah yang kita nikmati kerana itu adalah tuntutan Islam."